

Tajuk : Imej Kucing Merah Dirakam

Imej kucing merah dirakam

KUCHING 21 Nov. - Imej kucing liar yang amat jarang ditemui di dunia, kucing merah atau nama saintifiknya *Pardofelis Badia* berjaya dirakamkan di Unit Pengurusan Hutan (FMU) Sela'an Linau iaitu kawasan konsesi pembalakan di Hulu Baram.

Ia dirakamkan oleh penyelidik daripada Hose's Civet and Small Carnivore Project Borneo (Hoscap Borneo), sebuah projek pemuliharaan berasaskan penyelidikan di bawah Institut Biodiversiti dan Pemuliharaan Alam Sekitar (IBEC), Universiti Malaysia Sarawak (Unimas).

Pengarah IBEC, Professor Dr. Andrew Alek Tuen berkata, imej spesies kucing berkenaan dirakamkan di dua lokasi di banjaran gunung Murud Kecil pada September dan Oktober lalu.

Katanya, kawasan banjaran itu telah dijadikan sebagai kawasan terlindung oleh pemegang konsesi pembalakan, Samling, untuk tujuan pemuliharaan namun tidak diwartakan



IMEJ kucing merah berjaya dirakamkan di Unit Pengurusan Hutan Sela'an Linau, Hulu Baram, baru-baru ini.

kan oleh kerajaan negeri sekali gus menjadikannya tidak dilindungi undang-undang.

"Rakaman imej kucing merah itu menunjukkan kawasan FMU Linau khasnya banjaran gunung Murud Kecil sebagai kawasan penting untuk hidupan liar.

"Ia adalah salah satu daripada sebahagian kecil kawasan

di Borneo yang mempunyai antara empat ke lima jenis spesies kucing liar," katanya dalam kenyataan akhbar, di sini hari ini.

Di negeri ini, kucing merah hanya pernah dikesan di Santuari Hidupan Liar Lanjak Entimau, Taman Negara Pulong Tau dan FMU Muput.

Spesies kucing liar itu diklasifikasikan sebagai terancam

dalam Senarai Merah Kesatuan Antarabangsa bagi Pemuliharaan Alam Semulajadi (IUCN) dan dilindungi sepenuhnya di negeri ini di bawah Ordinan Perlindungan Hidupan Liar (WPO) 1998.

Dalam perkembangan berkaitan, Andrew berkata, penemuan terbaharu itu merupakan satu peluang baik bagi semua pihak berkaitan untuk bekerjasama dan menunjukkan sikap menyayangi alam sekitar.

Beliau turut melahirkan harapan supaya kerajaan negeri meneruskan usaha mempromosikan amalan pembalakan yang baik dan bermutu tinggi di seluruh negeri ini.

"Dengan kerjasama antara Unimas, Samling, Jabatan Hutan Sarawak dan Sarawak Forestry Corporation (SFC) ditambah sokongan masyarakat dan penyumbang korporat, kita pasti mampu merealisasikan pengurusan hutan yang mampan," katanya.